



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

CUTI TAMBAHAN KEPADA PELAJAR-PELAJAR INSTITUSI LATIHAN JABATAN TENAGA MANUSIA (ILJTM) SEMPERNA KELEPASAN AM PERSEKUTUAN HARI DEEPAVALI TAHUN 2024

31 Oktober 2024 (Khamis) telah diisytiharkan sebagai Hari Kelepasan Am Persekutuan semperna Hari Deepavali di semua negeri di Malaysia kecuali negeri Sarawak. Memandangkan **terdapat 1,186 orang pelajar India daripada jumlah keseluruhan 22,133 pelajar ILJTM, KESUMA** bersetuju memberikan satu (1) hari cuti tambahan kepada pelajar-pelajar ILJTM.

ILJTM di negeri Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu diberikan satu (1) hari cuti tambahan pada 30 Oktober 2024 (Rabu). Manakala, ILJTM di negeri-negeri lain diberikan satu (1) hari cuti tambahan pada 1 November 2024 (Jumaat). Cuti panjang selama empat (4) hari dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh semua pelajar ILJTM khususnya pelajar-pelajar India beragama Hindu bagi menyambut perayaan Hari Deepavali bersama keluarga.

Walau bagaimanapun, bagi mencapai dan mencukupkan jam latihan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP), kelas gantian perlu diadakan mengikut tarikh yang bersesuaian sebelum berakhirnya semester latihan.

**MENTERI SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
25 OKTOBER 2024**